

10 JAN 2002

KSN-Peruntukan (Bergambar)

PROSEDUR DIPINDA UNTUK CEPATKAN PELAKSANAAN PROJEK

SLIM RIVER, 10 Jan (Bernama) -- Beberapa prosedur dan peraturan perkhidmatan awam telah dipinda atau dipercepatkan bagi memastikan semua peruntukan dan projek di bawah pakej rangsangan fiskal dapat disiapkan menjelang 31 Jan ini, kata Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman.

Prosedur dan peraturan ini merupakan sebahagian daripada karenah birokrasi yang bertujuan memastikan semuanya berjalan dengan teratur.

"Tetapi kita tidak mahu birokrasi itu melewatkan pelaksanaan sesuatu projek. Sebab itu kita cuba pendekkan sesuatu prosedur tetapi yang lebih penting adalah keazaman pada penjawat awam untuk menjayakannya," katanya selepas melawat beberapa projek di bawah pakej rangsangan itu di Kampung Sawah dan Kampung Rasau di sini, hari ini.

Sebelum itu, beliau mendengar taklimat pelaksanaan projek pakej rangsangan untuk Negeri Perak di Pejabat Majlis Daerah Tanjung Malim di sini. Taklimat diberikan oleh Pegawai Pembangunan Negeri, Datuk Sheikh Ahmad Sheikh Long. Turut hadir ialah Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Dr Isahak Yeop dan Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP) di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Zainul Ariff Hussain.

Samsudin berkata, walaupun ada negeri seperti Perak memohon supaya tempoh akhir dilanjutkan sehingga 15 Feb kerana pelbagai masalah menghalang projek-projek disiapkan mengikut jadual, beliau tetap mahu ia dilaksanakan menjelang 31 Jan ini.

"Biasanya tarikh akhir bayaran ialah 15 Jan tetapi bagi kali ini kita beri sehingga 31 Jan. Kita akan cuba selesaikan menjelang 31 Jan...walaupun Perak minta sehingga 15 Feb tetapi kita kena ikut peraturan yang sama bagi seluruh negara," tambahnya.

Pembayaran kepada kontraktor-kontraktor turut dipercepatkan melalui pemberian mengikut tahap kerja dan bukannya menunggu ia siap 100 peratus.

Samsudin berkata lawatannya hari ini adalah bagi memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan dan melihat semua peruntukan digunakan sepenuhnya selaras dengan hasrat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Isnin lepas, Dr Mahathir menyatakan rasa tidak puas hati beliau kerana RM7.8 bilion peruntukan pembangunan bagi tahun 2001, termasuk pakej rangsangan fiskal gagal dibelanjakan dan antara sebabnya ialah karenah birokrasi.

Dr Mahathir berkata, 87 peratus (RM25.01 bilion) daripada RM28.48 bilion peruntukan untuk projek pembangunan tahun 2001 dan 50 peratus (RM3.65 peratus) daripada pakej rangsangan khusus untuk dibelanjakan sehingga 31 Dis, telah dibelanjakan.

"Saya hendak lihat sendiri pelaksanaan projek ini dan dengar apakah masalah yang berbangkit. Kita mahu belajar daripada kelemahan-kelemahan kali ini supaya jika ada lagi peruntukan seperti ini di masa depan, kita dapat perbaikinya," tambah beliau.

Antara masalah yang ditimbulkan ialah kelewatan pembayaran, bahan-bahan binaan yang tidak mencukupi dan tempoh singkat untuk melaksanakan projek-projek di bawah rangsangan fiskal.

Mengenai tahap pelaksanaan di Perak, Samsudin berkata sebanyak 2,005 atau 94.75 peratus daripada sejumlah 2,116 projek telah disiapkan sehingga dua hari lepas manakala daripada segi pembayaran ialah 72 peratus.

"Saya puas hati dengan tahap pelaksanaan projek di Perak. Kita harap baki projek dapat disiapkan menjelang hujung bulan ini," katanya.

Perak menerima RM71.3 juta di bawah pakej ransangan fiskal untuk pembinaan jambatan, titi, gerai, surau, pengindahan luar bandar dan kemudahan-kemudahan sukan.

-- BERNAMA

AR AZZ PR